

Bab 2

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Arahan: Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

2.1 Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan

(Buku Teks m.s. 21 – 24)

- 1 Pernyataan berikut merujuk kepada ciri-ciri demokrasi berparlimen.

- Dijadikan dokumen rasmi
- Terandung segala peraturan dan prinsip
- Menjadi asas kepada pemerintahan negara

Apakah ciri-ciri demokrasi berparlimen tersebut?

- A Rakyat
- B Pemerintahan
- C Perlembagaan
- D Kerajaan

(Buku Teks m.s. 21 – 22)

- 2 Mengapakah perlembagaan penting pada setiap negara?

- A Mendapat sokongan rakyat
- B Menjadi teras pemerintahan
- C Membentuk ideologi negara
- D Membina status masyarakat

(Buku Teks m.s. 22)

- 3 Siapakah yang dilantik menjadi pemerintah berdaulat pada zaman penjajahan British?

- A Raja
- B Residen
- C Ratu England
- D Pesuruhjaya Tinggi

(Buku Teks m.s. 22)

- 4 Apakah asas pembentukan Perlembagaan Persekutuan negara kita?

- I Tradisi Kesultanan Melayu
 - II Berlandaskan ajaran agama
 - III Berteraskan idea ahli falsafah
 - IV Prinsip undang-undang Inggeris
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 22)

- 5 Apakah pihak yang menentukan undang-undang di negeri-negeri Melayu?

- A Raja
- B Rakyat
- C Pembesar
- D Majlis Negeri

(Buku Teks m.s. 22)

- 6 Senarai berikut merujuk kepada undang-undang bertulis di negeri-negeri Melayu.

- Undang-Undang Kedah
- Undang-Undang Pahang

Bagaimanakah kandungan undang-undang bertulis tersebut?

- A Dicontohi daripada perlembagaan Barat
- B Diwarisi daripada Kesultanan Melayu Melaka
- C Diubahsuai daripada perlembagaan kerajaan Islam
- D Diiktiraf sebagai undang-undang bertulis yang terawal

(Buku Teks m.s. 22)

- 7 Apakah asas penggubalan undang-undang negara kita sebelum kedatangan kuasa Barat?

- A Berasaskan adat Melayu
- B Berbincang dengan Gabenor
- C Berpandukan tradisi tempatan
- D Berdasarkan titah perintah raja

(Buku Teks m.s. 22)

- 8 Apakah undang-undang yang diperkenalkan oleh British di Negeri-negeri Selat (NNS)?

- A Charter Arts of 1813
- B Charter Art of 1793
- C Criminal Tribes Act
- D Charter of Justice

(Buku Teks m.s. 23)

- 9 Apakah persamaan undang-undang bertulis berikut?

Tahun	Undang-Undang
1949	The Sarawak Application of Laws Ordinance
1951	Sabah Application of Laws Ordinance

- A Undang-undang Belanda
 B Undang-undang Inggeris
 C Undang-undang Amerika
 D Undang-undang Portugal

(Buku Teks m.s. 23)

- 10 Apakah negeri-negeri Melayu yang menggunakan pakai perundangan berikut?

Charter of Justice

- I Johor
 II Melaka
 III Singapura
 IV Terengganu
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

(Buku Teks m.s. 24)

- 11 Mengapakah British memperkenalkan Charter of Justice di Negeri-negeri Selat?
- A Melindungi penduduk daripada penindasan
 B Memperkukuhkan kedudukan Raja-raja Melayu
 C Mengawal kegiatan politik masyarakat tempatan
 D Meningkatkan kerjasama dengan pembesar

(Buku Teks m.s. 24)

- 12 Perundangan berikut telah diperkenalkan oleh British di Negeri-negeri Selat.

Tahun	Undang-Undang
1807	Charter of Justice I

Apakah kepentingan perundangan tersebut?

- A Menyeragamkan pentadbiran pusat
 B Menubuhkan Dewan Undangan Negeri
 C Meningkatkan kuasa badan kehakiman
 D Mewujudkan mahkamah di Pulau Pinang

(Buku Teks m.s. 24)

- 13 Bagaimanakah British menyatukan mahkamah di Negeri-negeri Selat berikut?

- Melaka
- Singapura
- Pulau Pinang

- A Pelantikan Ketua Hakim
 B Penubuhan Majlis Tertinggi
 C Pelaksanaan birokrasi Barat
 D Pengenalan undang-undang

(Buku Teks m.s. 24)

- 14 Perlembagaan Sarawak telah memberi kuasa kepada badan membuat undang-undang pada tahun 1959.

Apakah badan tersebut?

- A Majlis Kerja C Majlis Tertinggi
 B Council Negri D Majlis Undangan

(Buku Teks m.s. 24)

- 15 Majlis Negeri Sarawak telah diperkenalkan pada bulan Ogos 1956.

Siapakah pengerusi majlis tersebut?

- A Ketua Tempatan C Pegawai Daerah
 B Gabenor Jeneral D Ketua Setiausaha

(Buku Teks m.s. 24)

- 16 Siapakah yang menganggotai Majlis Tertinggi di Sarawak?

- I Residen British
 II Peguam Negara
 III Ketua Setiausaha
 IV Yang di-Pertua Negeri

- A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 24)

- 17 Pilih pasangan yang tepat berkaitan dengan pengerusi pentadbiran negeri berikut.

	Pentadbiran Negeri	Jawatan
A	Majlis Kerja (Sabah)	Ketua Setiausaha
B	Council Negri (Sarawak)	Yang di-Pertua Negeri
C	Majlis Tertinggi (Sarawak)	Gabenor
D	Majlis Undangan (Sabah)	Setiausaha Kewangan

(Buku Teks m.s. 24)

- 18 Apakah peranan Gabenor dalam Majlis Undangan Sabah?
- A Menetapkan dasar negeri
 - B Menggubal undang-undang
 - C Memajukan ekonomi negeri
 - D Menubuhkan jabatan-jabatan

(Buku Teks m.s. 24)

- 19 Apakah sistem pemerintahan yang diperkenalkan oleh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- I Sistem Monarki
- II Demokrasi Berparlimen
- III Raja Berperlembagaan
- IV Sistem Republik


- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 24)

2.2 Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

(Buku Teks m.s. 25 – 27)

- 20 Rajah berikut berkaitan dengan penggubalan Perlembagaan Persekutuan.



Apakah X?

- A Badan Kehakiman
- B Kementerian
- C Suruhanjaya
- D Parlimen

(Buku Teks m.s. 25)

- 21 Apakah Majlis Negeri terawal yang menggubal undang-undang di Negeri Melayu?

- A Majlis Negeri Perak
- B Majlis Negeri Pahang
- C Majlis Negeri Selangor
- D Majlis Negeri Sembilan

(Buku Teks m.s. 25)

- 22 Mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak telah dilaksanakan pada tahun 1877.

Apakah kepentingan mesyuarat tersebut?

- A Menentukan bidang kuasa pemerintah negeri
- B Memajukan pembangunan ekonomi tempatan
- C Merintis pembentukan undang-undang negara
- D Membentuk corak pemerintahan kerajaan pusat

(Buku Teks m.s. 25)

- 23 Majlis Persekutuan terlibat dalam penggubalan undang-undang negeri.

Apakah negeri tersebut?

- A Negeri-negeri Selat
- B Negeri-negeri Melayu Utara
- C Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- D Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

(Buku Teks m.s. 26)

- 24 Berikut merupakan Akta dan Ordinan Negeri-negeri Selat 1886.



Apakah kuasa yang terlibat dalam penggubalan undang-undang tersebut?

- A Parlimen
- B Majlis Negeri
- C Majlis Undangan
- D Dewan Undangan Negeri

(Buku Teks m.s. 26)

- 25 Apakah persamaan peranan pentadbiran tempatan berikut?

- Majlis Negeri
- Majlis Tertinggi
- Council Negri

- A Pemungut cukai negeri
- B Pembuat undang-undang
- C Penggubal dasar kerajaan
- D Penasihat ketua negeri

(Buku Teks m.s. 24, 26)

- 26 Persekutuan terbentuk daripada gabungan negeri-negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang. Apakah asas kepada pembentukan Persekutuan tersebut?

- A Perjanjian Malaysia 1963
- B Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957
- C Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
- D Perjanjian Malayan Union 1946

(Buku Teks m.s. 26)

- 27 Pilih pasangan yang tepat berkaitan penggubalan undang-undang di negeri-negeri Melayu sebelum merdeka.

	Negeri	Badan Terlibat
A	NNMB	Council Negri
B	NNMTB	Majlis Negeri
C	Sabah	Majlis Tertinggi
D	Sarawak	Majlis Perundangan

(Buku Teks m.s. 24, 26)

- 28 Apakah kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- I Pilihan raya
- II Kewarganegaraan
- III Kuasa raja Melayu
- IV Penetapan sempadan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 26)

- 29 Sebuah suruhanjaya ditubuhkan untuk menyusun Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

Apakah suruhanjaya tersebut?

- A Suruhanjaya Reid
- B Suruhanjaya Cobbold
- C Suruhanjaya Kehakiman
- D Suruhanjaya Pilihan Raya

(Buku Teks m.s. 27)

- 30 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu bermodelkan Westminster.

Model tersebut berasal dari

- A Britain
- B Belanda
- C Perancis
- D Amerika Syarikat

(Buku Teks m.s. 27)

- 31 Gambar berikut berkaitan dengan laporan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.



Apakah Suruhanjaya yang menghasilkan laporan tersebut?

- A Suruhanjaya Tinggi British
- B Suruhanjaya Pilihan Raya
- C Suruhanjaya Cobbold
- D Suruhanjaya Reid

(Buku Teks m.s. 27)

- 32 Apakah terma rujukan utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957?

- A Kedudukan bahasa Melayu
- B Keistimewaan sah kaum lain
- C Kerajaan Negeri yang kukuh
- D Kewarganegaraan yang sama

(Buku Teks m.s. 27)

2.3 Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan

(Buku Teks m.s. 28 - 29)

- 33 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri utama Perlembagaan Persekutuan.

- Agama Islam
- Bahasa Melayu
- Kesultanan atau pemerintahan beraja
- Kedudukan orang Melayu atau bumiputera

Apakah ciri utama Perlembagaan Persekutuan tersebut?

- A Kerajaan
- B Tradisional
- C Antarabangsa
- D Undang-undang

(Buku Teks m.s. 28)

- 34 Senarai berikut merupakan ciri utama Perlembagaan Persekutuan.

- Ciri moden
- Ciri tradisional

Apakah kepentingan ciri-ciri utama perlembagaan tersebut?


- I Membentuk kerajaan
- II Melicinkan pentadbiran negara
- III Menjamin kestabilan negara
- IV Memajukan negara
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 28)

- 35 Apakah peranan sultan di negeri-negeri Melayu?
- Perancang bandar
 - Penentu bencana alam
 - Pemerintah berdaulat
 - Pengasas agama

(Buku Teks m.s. 28)

- 36 Rajah berikut berkaitan dengan perubahan sistem pemerintahan negara kita.



Mengapakah berlaku perubahan pemerintahan tersebut?

- Mencapai kemajuan
- Mengekalkan perpaduan
- Memperoleh kemerdekaan
- Mengadakan hubungan luar

(Buku Teks m.s. 28)

- 37 Maklumat berikut merujuk kepada kuasa selepas negara kita mencapai kemerdekaan.

Mempunyai kuasa mengampun dan menangguhkan hukuman orang yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah.

Apakah jawatan yang mempunyai kuasa tersebut?

- Sultan
- Perdana Menteri
- Ketua Hakim Negara
- Yang di-Pertuan Agong

(Buku Teks m.s. 28)

- 38 Yang di-Pertuan Agong merupakan pemerintah tertinggi negara.

Apakah bidang kuasa baginda mengikut peruntukan Perlembagaan Malaysia?

- Menggubal dasar-dasar kerajaan
- Membatalkan sesuatu undang-undang
- Menentukan sempadan sesebuah negeri
- Melantik jawatan utama negara

(Buku Teks m.s. 28)

- 39 Apakah kuasa eksekutif peringkat negeri?

- Sultan
- Menteri Besar
- Ketua Menteri
- Pegawai Daerah

(Buku Teks m.s. 28)

- 40 Bagaimanakah raja menjalankan kuasa eksekutif di peringkat negeri?

- Melaksanakan pembahagian bidang kuasa
- Menubuhkan pelbagai jabatan baharu
- Melicinkan pentadbiran peringkat pusat
- Menerima nasihat Majlis Mesyuarat Negeri

(Buku Teks m.s. 28)

- 41 Apakah kuasa raja mengikut Perlembagaan Persekutuan?

- Melantik jawatan utama negara
- Memberi bintang kehormat
- Pemerintah tertinggi negara
- Memanggil Parlimen bersidang

(Buku Teks m.s. 28)

- 42 Apakah perkara yang raja tidak perlu menerima nasihat daripada Penasihat British?

- Adat istiadat orang Melayu
- Kedudukan Bahasa Melayu
- Keistimewaan orang Melayu
- Tugas Yang di-Pertuan Agong

(Buku Teks m.s. 29)

- 43 Selepas merdeka, Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa dalam bidang agama Islam di negeri-negeri tertentu.

Apakah negeri-negeri tersebut?

- Selangor
- Terengganu
- Pulau Pinang
- Wilayah Persekutuan

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

(Buku Teks m.s. 29)

- 44 Bahasa Melayu digunakan dalam pemerintahan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Apakah kepentingan bahasa Melayu pada zaman tersebut?

- Bahasa ilmu
- Bahasa pengantar
- Bahasa komunikasi
- Bahasa keagamaan

(Buku Teks m.s. 29)

- 45 Apakah persamaan peranan kuasa berikut sebelum merdeka?

- Raja
- Ketua peribumi

- A Memperkenalkan sistem mata wang yang seragam
 B Melaksanakan hubungan diplomatik dengan China
 C Menyebarkan Islam di wilayah jajahan dan naungan
 D Memelihara kedudukan orang Melayu dan bumiputera


(Buku Teks m.s. 29)

- 46 Pihak manakah yang bertanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah?

- A Perdana Menteri
 B Yang di-Pertuan Agong
 C Yang di-Pertua Negeri
 D Raja-raja Melayu

(Buku Teks m.s. 29)

- 47 Rajah berikut berkaitan dengan ciri Perlembagaan Persekutuan.



Apakah X?

- A Sistem pemerintahan beraja
 B Kedudukan agama Islam
 C Kerajaan Persekutuan
 D Bahasa kebangsaan

(Buku Teks m.s. 28 – 29)

- 48 Bagaimanakah Sarawak dan Sabah memperoleh beberapa kuasa autonomi mengikut peruntukan Perlembagaan?

- A Bergabung dalam Malaysia
 B Ancaman komunis terhadap
 C Pendudukan Jepun ditamatkan
 D Kawasan sempadan diselaraskan

(Buku Teks m.s. 28)

- 49 Bagaimanakah kewarganegaraan Persekutuan diperkenalkan pada tahun 1948?

- A Penubuhan gagasan Malayan Union
 B Pengenalan Sistem Raja Berperlembagaan
 C Penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutuan
 D Pemeteraian Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

(Buku Teks m.s. 29)

- 50 Mengapakah seseorang itu layak menjadi kerakyatan British mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Mendapat perkenan raja
 B Berumur 20 tahun ke atas
 C Dilahirkan di Pulau Pinang
 D Fasih dalam bahasa Inggeris

(Buku Teks m.s. 29)

- 51 Bagaimanakah taraf kewarganegaraan yang sama diberi kepada rakyat di Tanah Melayu?

- I Kemerdekaan Tanah Melayu
 II Pembentukan Malaysia
 III Pembatalan Malayan Union
 IV Penubuhan Badan Kehakiman
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

(Buku Teks m.s. 29)

- 52 Apakah bukti Malaysia mengamalkan sistem demokrasi?

- A Menggubal perlembagaan Persekutuan
 B Menubuhkan pelbagai kementerian
 C Mengadakan pilihan raya umum
 D Melakukan pengagihan kuasa

(Buku Teks m.s. 29)

- 53 Mengapakah pilihan raya diadakan di setiap negara yang berdaulat?

- A Menyertai parti politik
 B Memilih wakil pemimpin
 C Menggubal undang-undang
 D Menentukan belanjawan negara

(Buku Teks m.s. 29)

- 54 Pelaksanaan pilihan raya adalah untuk membentuk kerajaan.

Apakah kerajaan tersebut?

- I Kerajaan Negeri
 II Kerajaan Nasional
 III Kerajaan Tempatan
 IV Kerajaan Persekutuan
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

(Buku Teks m.s. 29)

2.4 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965

(Buku Teks m.s. 30 – 31)

- 55 Mengapakah perlembagaan negara mengalami pindaan pada tahun 1963 dan 1965?
- A Menyesuaikan peruntukan negeri baharu
 - B Mengikut perubahan ekonomi semasa
 - C Memenuhi permintaan dari rakyat
 - D Mengelakkan ancaman komunis

(Buku Teks m.s. 30 – 31)

- 56 Terdapat tiga perkara utama yang berlaku dalam pindaan Perlembagaan 1965. Antara perkara tersebut ialah
- I Struktur Mahkamah Atasan
 - II Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo
 - III Pembahagian kerusi dalam Parlimen
 - IV Hal ehwal dalam negeri
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 30 – 31)

- 57 Maklumat berikut berkaitan dengan bidang kuasa mahkamah.


Mendengar mana-mana persoalan perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Apakah mahkamah tersebut?

- A Mahkamah Atasan
- B Mahkamah Rayuan
- C Mahkamah Persekutuan
- D Mahkamah Tinggi Borneo

(Buku Teks m.s. 30)

- 58 Rajah berikut berkaitan dengan perubahan nama jawatan di Mahkamah Tinggi Borneo.



Apakah X?

- A Majistret
- B Hakim Besar
- C Ketua Hakim
- D Hakim Borneo

(Buku Teks m.s. 30)

- 59 Gambar berikut menunjukkan sidang akhbar yang diadakan di bangunan Parlimen, Kuala Lumpur pada 9 Ogos 1965.



Mengapakah berlaku persidangan akhbar tersebut?

- A Pemisahan Singapura daripada Malaysia
- B Penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan
- C Penentangan terhadap pendudukan Jepun
- D Pengisytiharan penubuhan gagasan Malaysia

(Buku Teks m.s. 31)

- 60 Maklumat berikut berkaitan dengan pindaan Perlembagaan 1965.

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membawa usul pindaan perlembagaan yang dinamakan pindaan Singapura pada 7 Ogos 1965.

Apakah badan yang berkuasa meluluskan pindaan perlembagaan tersebut?

- A Parlimen
- B Jemaah Menteri
- C Majlis Raja-Raja
- D Dewan Undangan Negeri

(Buku Teks m.s. 31)